

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
No. 20, MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR
ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Laman Web: <http://www.lpp.gov.my>
E-mail: info@lpp.gov.my
E-mail Bahagian: fpqh_penyeliaan@lpp.gov.my

TEL: 03-2610 9600 FAX: 03-2697 0872 BAHAGIAN PENYELIAAN TEL: 03-2610 9600 FAX: 03-2697 0872

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami :
Tarikh : LPP(B) 5/6 Jld 7 (128)

4 Februari 2016

ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 2 TAHUN 2016

WAKIL-WAKIL DAN PENCALONAN PERWAKILAN DI SEMUA PERINGKAT PERTUBUHAN PELADANG (PP)

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk menjelaskan mengenai wakil-wakil dan pencalonan perwakilan di semua peringkat Pertubuhan Peladang (PP).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Peraturan 32(1),(2) dan (3) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 (Pindaan) 2016 telah meminda jumlah wakil-wakil unit ahli suatu koperasi berasaskan pertanian ke Mesyuarat Agong Tahunan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), jumlah wakil-wakil PPK ke Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan jumlah wakil-wakil PPN ke Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).
- 2.2 Peraturan 32(2) dan (3) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 (Pindaan) 2016 membolehkan perwakilan yang berkualiti dipilih sebagai perwakilan dan untuk perancangan jangka panjang dengan mengambilkira pertambahan ahli yang akan menyebabkan

bilangan perwakilan meningkat. Walaubagaimanapun, jumlah Wakil-wakil Unit atau Wakil-wakil Kawasan daripada mana-mana unit ahli tidak terpakai di Negeri Sarawak dalam pindaan Peraturan 32(1) dan (2) tersebut.

- 2.3 Peraturan 32(1),(2),(3) dan(4) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 (Pindaan) 2016 ini juga menjelaskan jumlah wakil-wakil unit adalah termasuk Pengerusi Jawatankuasa Unit bagi setiap unit ahli, jumlah wakil-wakil Kawasan termasuk Pengerusi Jemaah Pengarah PPK dan jumlah wakil-wakil Negeri termasuk Pengerusi Jemaah Pengarah PPN.
- 2.4 Penentuan bilangan ahli yang layak bagi menentukan jumlah wakil-wakil Unit, Wakil-wakil Kawasan atau Wakil-wakil Negeri adalah sebelum 30 April bagi tahun suatu pemilihan hendak diadakan.

3. PUNCA KUASA

- 3.1 Punca kuasa bagi Arahan ini dibuat di bawah Peraturan 85 Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 seperti berikut:-

"Pendaftar boleh, jika difikirkannya perlu mengeluarkan arahan-arahan atau menetapkan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan ini".

- 3.2 Peraturan 54(7) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983:-

"Jika Pendaftar berpendapat bahawa sesuatu pindaan adalah perlu, Pendaftar boleh meminta Pertubuhan Peladang itu untuk meminda perlembagaannya dengan sewajarnya dan boleh menetapkan tempoh dalam mana pindaan tersebut mesti dibuat; dan jika, setelah tamat tempoh yang ditetapkan itu, tiada pindaan yang telah dibuat, Pendaftar hendaklah mendaftarkan pindaan itu

dan dengan itu perlembagaan itu hendaklah disifatkan telah dipinda dengan sewajarnya”.

3.3 Peraturan 32 Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 (Pindaan) 2016 – Jumlah Unit, Kawasan dan Wakil-Wakil Negeri

32(1) : Tertakluk kepada subperaturan (6), jumlah Wakil-wakil Unit daripada mana-mana unit ahli sesuatu Pertubuhan Peladang Kawasan hendaklah seperti yang berikut :

- a. dua orang wakil-wakil Unit bagi lima puluh orang ahli yang pertama; dan*
- b. dua orang Wakil-wakil Unit bagi setiap lima puluh orang ahli yang berikutnya atau setiap ahli yang berikutnya yang kurang daripada lima puluh orang ahli*

32(1A) : Wakil-wakil Unit sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (1) hendaklah termasuk Pengerusi Jawatankuasa Unit bagi setiap unit ahli suatu Pertubuhan Peladang Kawasan.

32(1B) : Bagi maksud subperaturan (1) Wakil-wakil unit daripada mana-mana unit ahli suatu koperasi berasaskan pertanian hendaklah terdiri daripada empat orang ahli sahaja;

32(2) : Tertakluk kepada subperaturan (2A) jumlah Wakil-wakil Kawasan daripada mana-mana unit ahli Pertubuhan Peladang Negeri hendaklah seperti yang berikut :

- a. bagi Pertubuhan Peladang Kawasan yang bilangan ahlinya melebihi seribu orang –*
 - i. lima orang Wakil-wakil Kawasan bagi seribu orang ahli pertama; dan*

- ii. seorang Wakil Kawasan bagi setiap seribu orang ahli yang berikutnya, atau bagi setiap ahli yang berikutnya yang kurang daripada seribu orang; atau
- b. bagi Pertubuhan Peladang Kawasan yang bilangan ahlinya kurang daripada seribu orang, lima orang Wakil-wakil Kawasan.

32(2A) : Wakil-wakil Kawasan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (2) hendaklah –

- a. termasuk Pengerusi Jemaah Pengarah bagi setiap Pertubuhan Peladang Kawasan; dan
- b. tidak melebihi sebelas orang bagi setiap Pertubuhan Peladang Kawasan.

(2B) : Walau apa pun subperaturan (1) dan (2) bilangan Wakil-wakil Unit atau Wakil-wakil Kawasan daripada mana-mana unit ahli di negeri Sarawak hendaklah ditentukan oleh Pendaftar;

32(3) : Tertakluk kepada subperaturan (3A) jumlah Wakil-wakil Negeri untuk Pertubuhan Peladang Kebangsaan hendaklah seperti berikut :

- a. bagi Pertubuhan Peladang Negeri yang bilangan ahlinya melebihi lima ribu orang –
 - i. lima orang Wakil-wakil Negeri bagi lima ribu orang ahli pertama; dan
 - ii. dua orang Wakil-wakil Negeri bagi setiap lima ribu orang ahli yang berikutnya atau bagi setiap ahli yang berikutnya yang kurang daripada lima ribu orang; atau

- b. *bagi Pertubuhan Peladang Negeri yang bilangan ahlinya kurang daripada lima ribu orang, lima orang Wakil-wakil Negeri;*

32(3A): Wakil-wakil Negeri sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (3) hendaklah –

- a. *termasuk Pengerusi Jemaah Pengarah bagi setiap Pertubuhan Peladang Negeri; dan*
- b. *tidak melebihi lima puluh satu orang bagi setiap Pertubuhan Peladang Negeri; dan*

32(4) : Bagi maksud subperaturan (1),(2) dan (3), penentuan bilangan ahli yang layak di bawah peraturan 26 untuk bilangan Wakil-wakil Unit, Wakil-wakil Kawasan atau Wakil-wakil Negeri adalah sebelum 30 April bagi tahun suatu pemilihan hendak diadakan.

4. PENCALONAN WAKIL-WAKIL DI SEMUA PERINGKAT PP

4.1 Berdasarkan Peraturan 32(1),(2) dan (3) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 (Pindaan) 2016, Pendaftar telah menetapkan bilangan pencalonan wakil-wakil di semua peringkat PP adalah seperti berikut :

- i. **Mesyuarat Agong Tahunan Unit Peladang (UP)**

Di Mesyuarat Agong Tahunan UP, penetapan bilangan calon perwakilan PPK ke Mesyuarat Agong Tahunan PPN adalah seperti berikut :

- 1 – 20 Unit Peladang - 2 calon perwakilan/UP
- Melebihi 20 Unit Peladang - 1 calon perwakilan/UP

ii. **Mesyuarat Agong Tahunan PPK**

Di Mesyuarat Agong Tahunan PPK penetapan bilangan calon perwakilan PPN ke Mesyuarat Agong Tahunan NAFAS adalah seperti berikut:

- 1 PPK - 2 calon perwakilan/PPK
- Kecuali*
- PPN Melaka - 4 calon perwakilan/PPK
- PPN Labuan - 4 calon perwakilan/PPK

4.2 Bagi PP di Negeri Sarawak jumlah wakil-wakil unit atau wakil-wakil kawasan adalah seperti berikut :

i. **Mesyuarat Agong Tahunan UP**

a. Di Mesyuarat Agong Tahunan UP penetapan bilangan perwakilan ke Mesyuarat Agong Tahunan PPK adalah seperti berikut :

- 1 Unit Peladang - 2 Perwakilan

b. Di Mesyuarat Agong Tahunan UP penetapan bilangan calon perwakilan PPK ke Mesyuarat Agong Tahunan PPN

- 1 Unit Peladang - 2 calon perwakilan

ii. **Mesyuarat Agong Tahunan PPK**

- a. Jumlah wakil-wakil PPK ke Mesyuarat Agong Tahunan PPN adalah seperti berikut :

1,000 ahli pertama atau sebahagiannya - 1 orang wakil

1,000 ahli tambahan atau sebahagiannya - 1 orang wakil

- b. Di Mesyuarat Agong Tahunan PPK penetapan bilangan calon perwakilan PPN ke Mesyuarat Agong Tahunan NAFAS adalah seperti berikut :

1 PPK - 3 calon perwakilan.

5. **TARIKH KUATKUASA**

Arahan Pendaftar ini berkuatkuasa mulai 5 haribulan **Februari** Tahun Dua Ribu Enam Belas dan dengan pemakaian Arahan Pendaftar ini, maka Para 5.1(a)(i) dan (ii), 5.1(b), 5.2(i) dan (ii), 5.3 dan 6.2 dalam Arahan Pendaftar Bil. 1 Tahun 2010 adalah dibatalkan.



(DATO' HAJI MOHD SALIM BIN HAJI TAHA)

Pendaftar
Pertubuhan Peladang